

## **HARI MINGGU PALMA MINGGU SENGSSARA (A)**

Matius 21:1-11; Yesaya 50:4-7; Mazmur 21:8-9. 17-20. 23-24. R/ v. 2; Filipi 2:6-11  
Matius 26:14-27:66 (Versi Singkat, Matius 27:11-54)

### **Tema: KESENGSARAAN TUHAN ADALAH KEMENANGAN!**

1. Hari ini kita merayakan “Minggu Palma Kesengsaraan Tuhan” dalam Tahun Liturgi A. Kita merayakan Minggu Palma Kesengsaraan Tuhan, sebab Kesengsaraan Tuhan adalah kemenangan dan daun palma adalah simbol kemenangan!

Injil pertama yang kita baca masa pemberkatan daun palma memberitahu kita bahawa Kesengsaraan Tuhan adalah kemenangan! Bacaan Injil pertama memberitahu kita bahawa Yesus masuk ke Yerusalem. Yesus masuk ke Yerusalem untuk sengsara, mati dan bangkit dari antara orang mati supaya dapat memberi Roh Kudus untuk penyelamatan seluruh dunia! Kesengsaraan Tuhan bukan hanya kemenangan untuk Tuhan, tetapi juga untuk semua pendosa! Itulah sebabnya mengapa Injil memberitahu kita bahawa orang ramai mengalu-alukan Yesus dengan daun palma! Daun palma adalah simbol kemenangan!

Injil kedua hari ini yang baru sahaja kita baca, juga memberitahu kita bahawa Kesengsaraan Tuhan itu adalah kemenangan! Injil kedua memberitahu kita bahawa Barabas, seorang tahanan yang terkenal, dibebaskan, sebab Yesus yang tidak bersalah itu dihukum mati menggantikan tempatnya! Injil juga memberitahu kita bahawa selepas kematian Yesus, tabir di dalam bait Allah terkoyak dua dari atas sampai ke bawah, iaitu, tempat kudus segala kudus yang mana hanya boleh dimasuki oleh para imam agung dan hanya setahun sekali, sekarang boleh dimasuki oleh sesiapa pun! Injil hari ini memberitahu kita bahawa yang sudah mati kembali hidup dan bahawa para pemimpin askar Romawi dan pengikutnya telah berubah iman mereka! Bahkan Kesengsaraan Tuhan adalah kemenangan dan penyelamatan!

2. Bacaan pertama menuruti tema bacaan Injil. Bacaan pertama juga memberitahu kita bahawa Kesengsaraan Tuhan adalah kemenangan! Bacaan pertama adalah madah ketiga daripada empat madah hamba kesengsaraan Yesaya. Ia memberitahu kita akan kesengsaraan yang mewakili kesengsaraan-hamba Tuhan yang dirasainya, iaitu, kesengsaraan hamba yang sengsara bagi pihak para pendosa untuk penyelamatan pendosa! Dengan itu kita baca dalam bacaan pertama:

**“Punggungku ku biarkan dipukuli orang, daguku kuserahkan kepada yang mencabuti janggutku, dan aku tidak memalingkan wajahku dari cercaan dan ludahan. Tuhan Allah menolong aku, dan penghinaan itu takkan menggoncangkan daku. Hatiku tabah, sebab aku yakin, aku takkan dipermalukan.” (Yes 50:6-7; SM)**

3. Mazmur antarbacaan menuruti tema bacaan pertama. Mazmur antarbacaan juga memberitahu kita bahawa Kesengsaraan Tuhan adalah kemenangan! Mazmur antarbacaan bermula dengan tangisan kekecewaan, tetapi ia berakhir dengan doa pengharapan! Justru itu mazmur antarbacaan bermula dengan sahutan:

**“Allahku, ya Allahku, mengapa aku Kau tinggalkan?” (Mzm 21(22):2; SM)**

Tetapi ia berakhir dengan “kesyukuran kerana diselamatkan”! (NJB). Dengan itu rangkap terakhir Mazmur antarbacaan:

**“Maka aku akan memasyhurkan nama-Mu kepada saudaraku, dan memuji Engkau di tengah-tengah umat. Hai orang takwa, pujiyah Tuhan, segenap keturunan Yakub, mulikanlah Tuhan, gentarlah terhadap-Nya, hai segala keturunan Israel.” (Mzm 21(22): 23-24; SM)**

4. Akhir sekali, bacaan kedua juga memberitahu kita bahawa Kesengsaraan Tuhan adalah kemenangan! Bacaan kedua memberitahu kita bahawa Kristus menjadi lebih rendah, dengan menerima kematian-Nya

di kayu salib, tetapi Allah mengangkat-Nya dan memberikan-Nya nama di atas segala nama! Dengan itu kita baca dalam bacaan kedua seperti mana yang dipetik dalam Pengantar Injil hari ini:

**“Dan dalam keadaan sebagai manusia, Ia telah merendahkan diri-Nya dan taat sampai mati, bahkan sampai mati dikayu salib. Itulah sebabnya Allah sangat meninggikan Dia dan mengaruniakan kepada-Nya nama di atas segala nama. (Fil 2:8-9; SM)**

Kita meletakkan daun palma kita bersama salib, sebab Kesengsaraan Tuhan adalah kemenangan! Ia adalah kebangkitan, kehidupan dan penyelamatan!

5. Hari ini dengan perayaan “Minggu Palma Kesengsaraan Tuhan”, kita memulai Minggu Suci! Minggu Suci akan berpuncak dalam tiga hari Triduum Paska, iaitu, Jumaat Agung, Sabtu Suci dan Minggu Paska! Tetapi Jumaat Agung bermula dengan petang Khamis Putih Jamuan Terakhir Tuhan dan Minggu Paska bermula pada Malam Menjelang Paska! Triduum Paska yang merayakan kematian (Jumaat Agung), pengkbumian (Sabtu Suci) dan Kebangkitan (Minggu Paska) Tuhan adalah satu perayaan!

Sebab itu tidak ada perutusan selepas Misa Kudus pada Khamis Putih dan juga tiada perutusan selepas servis Jumaat Agung! Perutusan hanya diadakan selepas Misa Kudus Malam Menjelang Paska! Itulah sebabnya penting untuk kita mengikuti sepenuhnya tiga hari Triduum Paska itu supaya kita dapat mati dan bangkit bersama Yesus Kristus ke hidup baru Paska! Berkat Minggu Suci kepada kamu semua dan berkat Triduum Paska kepada semua! Amen!

**Cadangan soalan-soalan untuk renungan individu dan perkongsian dalam keluarga, dalam kumpulan-kumpulan kecil dan komuniti-komuniti kecil:**

1. Mengapa kita merayakan “Minggu Palma Minggu Kesengsaraan Tuhan”? Apakah yang dilambangkan oleh daun palma? Dimanakah harus kita letakkan daun palma itu?
2. Percayakah kamu bahawa Yesus Kristus sengsara, mati dan bangkit dari antara orang mati dan memberi kita Roh Kudus untuk penyelamatan kita?
3. Percayakah kamu bahawa liturgi, sakramen-sakramen, terutamanya Ekaristi, sakramen segala sakramen, membuat kehadiran, benar dan berkesan akan kematian dan kebangkitan Yesus Kristus dan memberi kita Roh Kudus setiap hari Minggu? Adakah kamu datang ke Misa Kudus setiap hari Minggu?
4. Adakah kamu menghadiri Misa Kudus Khamis Putih Jamuan Terakhir Tuhan? Adakah kamu hanya menghadiri Servis Jumaat Agung? Adakah kamu menghadiri Misa Kudus Malam Menjelang Paska? Adakah kamu menghadiri Triduum Paska dengan sepenuhnya? Mengapa kita harus menghadiri Triduum Paska dengan sepenuhnya?
5. Adakah kamu masih berdoa, berpuasa dan bersedekah kepada yang miskin untuk persiapan pembaptisan atau untuk persiapan pembaharuan Pembaptisan kamu pada Malam Menjelang Paska?

**Fr. Nicholas Ong, Holy Trinity Catholic Church (HTCC), Tawau, Sabah, Malaysia,**

**Rujukan: New Jerusalem Bible (NJB); Sunday Missal (SM).**